

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

SOALAN

Minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesan kepada hubungan antara Malaysia dan Indonesia akibat kes rogol pembantu rumah Indonesia oleh Exco DAP di Perak. Apakah ada perundingan mengenainya di antara Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bera atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang melibatkan pekerja asing di Malaysia, termasuk dari Indonesia.

3. Dalam kes yang melibatkan pembantu rumah Indonesia ini, pihak berkuasa Malaysia telah mengambil tindakan segera berdasarkan prosedur dan proses undang-undang di Malaysia. Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dan dirujuk di Mahkamah Ipoh. Pada 24 September 2019, Mahkamah telah memutuskan untuk perbicaraan kes ini diadakan selama lima (5) hari berturut-turut bermula 11 November 2019.

4. Setakat ini, tiada rundingan mengenai kes ini diadakan diperingkat Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Indonesia. Kes ini juga tidak memberikan kesan negatif terhadap hubungan dua hala. Namun begitu, Kerajaan sentiasa memastikan kes-kes penganiayaan melibatkan pembantu rumah Indonesia seperti ini dikendalikan dengan adil dan saksama agar tidak menjejaskan hubungan dua hala yang sedia erat antara Malaysia dan Indonesia.

Sekian, terima kasih.